



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***APLIKASI TATABAHASA DALAM MEMBACA TEKS ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA***

AHMAD FUAD BIN CHE DAUD @ CHE MUD

FBMK 2015 79



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**APLIKASI TATABAHASA
DALAM MEMBACA TEKS ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA**

Oleh

AHMAD FUAD BIN CHE DAUD @ CHE MUD

**Tesis dikemukakan kepada
Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**APLIKASI TATABAHASA DALAM MEMBACA TEKS ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA**

Oleh

AHMAD FUAD BIN CHE DAUD @ CHE MUD

Januari 2015

Pengerusi : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Membaca merupakan kemahiran bahasa yang sangat penting terutamanya kepada pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Namun, realiti pada hari ini terdapat ramai pelajar bahasa Arab yang tidak mampu untuk membaca dan memahami dengan baik. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti ketepatan bacaan subjek dan predikat yang merupakan unsur asas binaan ayat dan kunci kepada pemahaman teks. Kajian ini juga bertujuan memeriksa pemahaman pelajar terhadap teks bacaan dan menganalisis pengaruh unsur tatabahasa terhadap pemahaman. Kajian ini berbentuk kajian lapangan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan pendekatan kajian kes. Enam orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan (ISMBADP) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menjadi peserta kajian ini. Data dikumpulkan melalui prosedur bacaan senyap dengan menandakan baris dan pemahaman teks dengan teknik terjemahan serta melalui tiga sesi temu bual iaitu temu bual bacaan-pemahaman, temu bual aplikasi tatabahasa dan temu bual umum. Data-data tersebut dianalisis menggunakan kaedah Analisis Domain mengikut tema-tema yang dibina melalui proses pengekodan secara deduktif. Dapatan kajian ini menunjukkan sebahagian besar peserta kajian tidak menghadapi masalah dalam bacaan unsur asas binaan ayat iaitu subjek dan predikat. Sebahagian besar mereka juga dapat memahami ayat mudah yang tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh mengganggu pemahaman seperti unsur frasa penanda wacana sama ada pada permulaan ayat atau penanda wacana yang memisahkan subjek dan predikat. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat pengaruh unsur tatabahasa terhadap pemahaman dengan kewujudan pemahaman yang selari dengan aplikasi tatabahasa sama ada aplikasi tersebut menepati maksud menurut konteks ayat ataupun tidak. Justeru, tatabahasa merupakan elemen yang penting dalam pembelajaran bahasa Arab dan perlu diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan-pemahaman.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
In fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**APPLICATION OF GRAMMAR IN ARABIC TEXT READING
AMONG IPTA STUDENTS**

By

AHMAD FUAD BIN CHE DAUD @ CHE MUD

January 2015

Chair : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Reading is a very important skill especially for the students who learn Arabic as a second language. However, in today's reality, there are many students who learn Arabic are not able to read and understand it well. Therefore, this study is aimed to identify the accuracy of reading subjects and predicates, which are the basic elements of sentence structures and the keys to understand texts. This study is also aimed to examine students' comprehension in reading and analyze the influence of grammar in understanding a text. It is a field study using qualitative methods and a case study approach in which six students from the Bachelor in Arabic Language with Education (ISMBADP) at Sultan Idris Education University (UPSI) were the participants. Data was collected over silent reading procedures by marking signs (*ḥarakāt*), text comprehensions by using the translations technique and together with three interview sessions; reading-understanding interview, the applications of grammar interview and general interview. The data was analyzed using the Domain Analysis method based on the themes built through the deductive coding process. The finding of the study shows that most of the participants did not have problems in reading the basic elements of sentence constructions; subject and predicate. A large number of participants could also easily understand simple sentences which had no elements that disturbed comprehension such as the sentence linkers and connectors whether at the beginning of sentences or those which separated subjects and predicates. In addition, the finding also indicates that there is influence of grammar on comprehension with parallel existence of comprehension and the applications of grammar, regardless the applications suited the meaning in sentence contexts or not. Thus, grammar is an important element in learning Arabic and should be emphasized in teaching and learning reading-understanding.

PENGHARGAAN

Kesyukuran yang tak ternilai dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan inayah serta taufikNya tesis ini dapat disiapkan.

Jazākumallāh khairan kathira kepada Dr. Pabiyah dan Dr. Nik Farhan, pensyarah penyelia yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar serta dorongan dan bimbingan kepada penulis sehingga terhasilnya tesis ini.

Terima kasih diucapkan kepada tenaga pengajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM kerana *'ilmān mufīdan nāfi'an* yang dicurahkan selama penulis mencedok ilmu di sini. Tak lupa juga kepada staf FBMK yang mesra.

Penghargaan juga ditujukan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI kerana memberikan kerjasama dan kebenaran kepada penulis menjalankan kajian ini.

Dikesempatan ini juga penulis mengucapkan *syukran jazīlan wajazākumullāh khairan kathīran* kepada insan-insan yang Allah SWT anugerahkan kepada penulis:

- Insan tersayang yang teramat besar pengorbanannya mengajar erti kehidupan dan sentiasa memberi perangsang untuk sentiasa belajar dan terus belajar - ayahanda Che Mud dan bonda Tuan Noor Asiah.
- Isteri tercinta, Norulhuda yang tidak jemu memberi dorongan, kata-kata semangat dan berkorban jiwa dan raga selama penulis dalam kembara ilmu ini.
- Anak-anak penyejuk mata – Farah Insyirah, Faiz Imdad & Zidni Ilman.
- Bonda Jaradah yang sentiasa merestui.
- Abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik yang memberi sokongan moral dan material.

Ucapan penghargaan juga ditujukan buat para sahabat yang membantu dan semua pihak yang terlibat dengan penghasilan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Jasamu semua akan kukenang selama-lamanya."

Wassalam.

AHMAD FUAD BIN CHE DAUD @ CHE MUD

Bandar Proton, Tanjung Malim

2,5 Ogos 2014, 1.18 pagi

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 27 Januari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Ahmad Fuad bin Che Daud @ Che Mud bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Aplikasi Tatabahasa dalam Membaca Teks Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ab Halim bin Mohamad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd Rauf bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Che Radiah binti Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammad bin Seman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 April 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Ahmad Fuad bin Che Daud @ Che Mud (GS29419)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Nik Farhan binti Mustapha

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
KELULUSAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
JADUAL TRANSLITERASI	xiii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
2 KAJIAN LITERATUR	9
2.1 Pengenalan	9
2.2 Definisi Membaca	9
2.3 Teknik dan Model Bacaan	10
2.3.1 Model Bacaan Atas-ke-Bawah	11
2.3.2 Model Bacaan Bawah-ke-Atas	12
2.3.3 Model Bacaan Interaktif	12
2.4 Bacaan dan Pemahaman	13
2.4.1 Penguasaan Kosa Kata	14
2.4.2 Kesedaran Metakognitif	15
2.4.3 Pengetahuan Skemata	15
2.4.4 Pengetahuan Tatabahasa	16
2.5 Bacaan dan Pemahaman Teks Arab	18
2.6 Kepentingan Tatabahasa dalam Bacaan dan Pemahaman Teks Arab	20
2.7 Subjek-Predikat dalam BM dan <i>Musnad 'Ilayh-Musnad</i> dalam BA	23
2.7.1 Urutan Perkataan dalam Binaan Ayat BA dan BM	24
2.7.2 Binaan Ayat BM dan Perbandingannya dengan Binaan Ayat BA	25
2.7.3 Definisi <i>Mubtada'</i> dan <i>Khabar</i>	28
2.7.4 Definisi <i>Fi'</i> dan <i>Fā'il</i>	30
2.7.5 Struktur Binaan Ayat Nominal BA	30
2.7.6 Struktur Binaan Ayat Verbal BA	31
2.8 Kesimpulan	32
3 METODOLOGI KAJIAN	33
3.1 Pengenalan	33
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
3.3 Peserta Kajian	33
3.3.1 Peringkat dan Bidang Pengajian	34
3.3.2 Tahap Penguasaan Bahasa Arab	34
3.3.3 Bilangan Peserta Kajian	34

3.4	Instrumen Kajian	35
3.4.1	Pemilihan Instrumen Kajian	35
3.4.2	Keabsahan Instrumen Kajian	37
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	37
3.5.1	Bacaan dan Pemahaman Teks	37
3.5.2	Temu Bual	40
3.5.3	Keabsahan Kaedah Pengumpulan Data	43
3.6	Prosedur Kajian	45
3.6.1	Kajian Rintis	45
3.6.2	Prosedur Pengumpulan Data	45
3.6.3	Prosedur Analisis Data	46
3.6.4	Proses Pengumpulan dan Analisis Data	48
3.7	Kesimpulan	49
4	ANALISIS DATA	53
4.1	Pengenalan	53
4.2	Analisis Bacaan Subjek dan Predikat	53
4.2.1	Bacaan Betul	53
4.2.2	Bacaan Salah	56
4.2.3	Perbincangan Analisis Bacaan Subjek dan Predikat	57
4.3	Analisis Pemahaman Teks	59
4.3.1	Pemahaman Betul dan Menepati Konteks Tatabahasa	59
4.3.2	Pemahaman Betul tetapi Tidak Menepati Konteks Tatabahasa	62
4.3.3	Pemahaman Salah	65
4.3.4	Perbincangan Analisis Pemahaman Teks	68
4.4	Analisis Pengaruh Unsur Tatabahasa terhadap Pemahaman	70
4.4.1	Pemahaman yang Selari dengan Aplikasi Tatabahasa	71
4.4.2	Pemahaman yang Bercanggah dengan Aplikasi Tatabahasa	76
4.4.3	Perbincangan Analisis Pengaruh Unsur Tatabahasa terhadap Pemahaman	78
4.5	Kesimpulan	80
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	83
	RUJUKAN	89
	LAMPIRAN	95
	BIODATA PELAJAR	111

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Subjek dan Predikat dalam BM dan BA	27
2	Ciri-ciri Peserta Kajian	35
3	Kesalahan Bacaan Ayat 2	56
4	Maksud Ayat 1, Ayat 2 dan Ayat 3	59
5	Pemahaman terhadap Penanda Wacana dalam Ayat 1	60
6	Pemahaman Ayat 2 oleh P3	60
7	Pemahaman Ayat 3 oleh P3 dan P5	61
8	Pemahaman Ayat 4 oleh Peserta Kajian	62
9	Pemahaman Ayat 5 oleh P2 dan P6	64
10	Pemahaman Ayat 7 oleh Peserta Kajian	65 - 66
11	Pemahaman Ayat 6 oleh P1, P3, P4 dan P6	67
12	Pemahaman Selari dengan Aplikasi Tatabahasa yang Betul (1)	71 - 72
13	Pemahaman Selari dengan Aplikasi Tatabahasa yang Betul (2)	74
14	Pemahaman Selari dengan Aplikasi Tatabahasa yang Salah	75
15	Pemahaman Bercangah dengan Aplikasi Tatabahasa (1)	76
16	Pemahaman Bercangah dengan Aplikasi Tatabahasa (2)	77

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Teori Peringkat Pemahaman Marohaini	5
2	Kerangka Konseptual Kajian	5
3	Teori Peringkat Pemahaman Marohaini	17
4	Kaedah Triangulasi Pengumpulan Data	44
5	Kerangka kajian	51

SENARAI SINGKATAN

BA	Bahasa Arab
BM	Bahasa Melayu
FA	Frasa Adjektif
FK	Frasa Kerja
FN	Frasa Nama
FS	Frasa Sendi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ISMBADP	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSO	Kata Kerja, Subjek dan Objek
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
P1	Peserta kajian 1
P2	Peserta kajian 2
P3	Peserta kajian 3
P4	Peserta kajian 4
P5	Peserta kajian 5
P6	Peserta kajian 6
SKO	Subjek, Kata Kerja dan Objek
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

JADUAL TRANSLITERASI

Perkataan Arab dieja dalam huruf rumi dengan berdasarkan kepada Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur tahun 1988. Sistem transliterasi ini adalah seperti berikut:

Huruf Arab	Transliterasi
ا	<i>a</i>
ب	<i>b</i>
ت	<i>t</i>
ث	<i>th</i>
ج	<i>j</i>
ح	<i>h</i>
خ	<i>kh</i>
د	<i>d</i>
ذ	<i>dh</i>
ر	<i>r</i>
ز	<i>z</i>
س	<i>s</i>
ش	<i>sy</i>
ص	<i>ṣ</i>
ض	<i>ḍ</i>
ط	<i>ṭ</i>
ظ	<i>ẓ</i>
ع	<i>‘</i>
غ	<i>gh</i>
ف	<i>f</i>

ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ع	'
ي	y
ة	ṭ

Vokal Pendek

Transliterasi

اَ	a
اِ	i
اُ	u

Vokal Panjang

Transliterasi

اَـ	ā
اِـ	ī
اُـ	ū

Diftong

Transliterasi

أَيّ	ay
أوّ	aw

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses pembelajaran bahasa adalah berteraskan kepada empat kemahiran yang utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kesemua kemahiran ini membina keupayaan seseorang pelajar untuk memahami suatu perkara yang disampaikan dan memberi kefahaman kepada pihak lain dengan menggunakan bahasa tersebut sama ada secara lisan atau bertulis.

Namun begitu, memahami sesuatu daripada tulisan sangat berbeza dengan memahami percakapan lisan. Melalui tulisan, pembaca mempunyai masa untuk berfikir dan meneliti teks yang dibaca dari segi makna perkataan dan fungsinya menurut konteks tatabahasa. Hal ini demikian kerana bacaan teks dari segi fungsi ketatabahasaan perkataannya mempengaruhi maksud yang akan difahami oleh pembaca (Umar, 2011). Menariknya dalam bahasa Arab, pembaca "memahami untuk membaca". Ini bermaksud, seseorang pembaca hendaklah terlebih dahulu memahami apa-apa yang tertulis sebelum menuturkan bacaan (al-Ḥadīdī, 1966). Hal ini demikian kerana perkataan Arab boleh dibaca dan disebut dengan pelbagai cara bacaan bergantung kepada fungsi tatabahasanya. Antara fungsi tatabahasa tersebut ialah subjek dan predikat yang merupakan unsur asas binaan ayat dan kunci utama pembaca untuk memahami struktur asas binaan ayat (Mohd Rosdi, 2013).

1.2 Pernyataan Masalah

Antara objektif pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab di peringkat menengah adalah supaya murid mampu membaca dan memahami bahan bacaan yang pelbagai serta dapat menguasai dan mengaplikasikan kaedah tatabahasa Arab yang asas (*Sukatan Pelajaran Bahasa Arab*, 2006).

Melihat kepada realiti pada hari ini, ramai pelajar bahasa Arab di peringkat universiti tidak mampu untuk memahami teks bahasa tersebut dengan baik. Dalam satu kajian yang dijalankan kepada pelajar tahun tiga Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya mendapati para pelajar gagal untuk memahami teks bahasa Arab dengan baik walaupun mereka telah mempelajari bahasa tersebut semenjak di sekolah menengah lagi (Abdul Malek, 1996).

Kelemahan ini mungkin berpunca daripada kegagalan untuk memahami sesuatu teks bacaan dari sudut tatabahasa kerana ia merupakan tunjang ilmu bahasa Arab (Umar, 2011). Oleh itu, seseorang pembaca pada mulanya harus dapat mengenal pasti dua unsur asas dalam binaan ayat iaitu subjek dan predikat. Kedua-dua unsur ini dikenali sebagai *mubtada'* dan *khabar* pada ayat nominal, atau *fi'l* dan *fā'il* pada ayat verbal bahasa Arab. Hal ini demikian kerana ia merupakan kunci utama kepada pemahaman teks (Mohd Rosdi, 2003).

Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada aplikasi tatabahasa subjek dan predikat iaitu *mubtada'* dan *khabar* serta *fi'l* dan *fā'il* dalam bacaan dan pemahaman teks bahasa Arab.

1.3 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai daripada kajian ini ialah:

1. Mengetahui ketepatan bacaan subjek dan predikat.
2. Memeriksa pemahaman pembaca terhadap teks bacaan.
3. Menganalisis pengaruh unsur tatabahasa subjek dan predikat terhadap pemahaman pembaca.

1.4 Kepentingan Kajian

Kemahiran membaca merupakan kemahiran ketiga dalam urutan kemahiran berbahasa selepas kemahiran mendengar dan bertutur. Namun begitu, dalam pembelajaran bahasa kedua khususnya bahasa Arab di Malaysia, kemahiran membaca dianggap sangat penting untuk membantu pelajar mendalami bahasa tersebut. Hal ini demikian kerana faktor ketiadaan "iklim Arab" yang boleh membantu pelajar dalam proses pembelajaran bahasa tersebut.

"Iklim Arab" yang hanya terhad di bilik darjah dan bilik kuliah sahaja kurang membantu pelajar untuk meningkatkan penguasaan dalam kemahiran membaca. Malah, penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab dalam kalangan pelajar tidak mencapai objektif yang dikehendaki oleh KPM kerana kurangnya perhatian dan penekanan oleh guru-guru bahasa Arab berbanding kemahiran-kemahiran bahasa yang lain (Norazman, 2006).

Menurut satu kajian, tuntutan untuk memahami al-Quran dan hal keagamaan merupakan antara faktor utama pelajar mempelajari bahasa Arab (Karkhī, 1993). Sehubungan dengan itu, kemahiran membaca amat penting untuk mencapai tujuan tersebut khususnya dan untuk mendalami ilmu bahasa Arab amnya. Malah, ia sesuai dengan iklim bahasa Arab yang wujud di Malaysia pada ketika ini (Wan Azura, Lubna & Ahmad Fazullah, 2008).

Antara elemen penting dalam pembelajaran bahasa ialah ilmu tatabahasa. Malah, ia merupakan tunjang dalam pembelajaran sesuatu bahasa selain daripada penguasaan kosa kata yang banyak, lebih-lebih lagi pembelajaran bahasa dalam kalangan bukan penutur jati bahasa tersebut. Namun begitu, dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, ilmu tatabahasa dianggap sebagai subjek yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar kerana terlalu banyak kaedah-kaedah tatabahasa yang perlu dipelajari dan dikuasai (Nik Hanan, Nik Farhan, & Nadwah, 2009).

Oleh itu, Kajian ini dirasakan begitu penting dengan matlamat untuk memartabatkan bahasa Arab dan melahirkan pelajar bahasa Arab yang mempunyai minat dan kemahiran yang tinggi dalam aktiviti membaca bahan bacaan Arab serta mampu untuk memahaminya. Ia bertepatan dengan objektif yang diharapkan oleh KPM daripada kurikulum bahasa Arab yang dilaksanakan sekarang, iaitu supaya murid mampu membaca bahan bacaan yang pelbagai serta memahaminya. Selain itu, pelajar juga dapat menguasai kaedah tatabahasa asas yang menjadi tunjang dalam binaan ayat bahasa Arab serta mampu untuk mengaplikasikannya (*Sukatan Pelajaran Bahasa Arab*, 2006).

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, kajian yang berkaitan dengan aplikasi tatabahasa dalam aktiviti membaca dan memahami teks bahasa Arab dengan memfokuskan kepada aspek tatabahasa asas dalam binaan ayat adalah penting untuk dilaksanakan.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek tatabahasa yang asas dalam pemahaman teks iaitu subjek dan predikat. Dalam bahasa Arab, ia dikenali sebagai *mubtada'* dan *khabar* pada ayat nominal. Manakala, pada ayat verbal ia dikenali sebagai *fi'* dan *fā'il*. Kedua-dua unsur ini merupakan unsur asas dalam binaan ayat. Oleh itu, ia menjadi suatu perkara yang mesti diketahui dan difahami oleh pembaca semasa aktiviti membaca agar pemahaman mereka tidak tersasar daripada maksud teks yang sebenar. Malah, konsep tatabahasa subjek dan predikat amat penting untuk difahami dan dikuasai oleh pelajar bahasa Arab sebelum mereka mendalami konsep-konsep tatabahasa yang lain (Mohd Rosdi, 2003).

Dari segi peserta kajian pula, pengkaji memilih pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan (ISMBADP) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Peserta kajian yang dipilih juga merupakan pelajar yang telah mendapat asas pendidikan bahasa Arab secara formal di peringkat menengah dengan kurikulum yang diiktiraf oleh KPM.

Manakala dari segi instrumen kajian pula, pengkaji memilih satu teks akademik Arab yang dipetik daripada buku akademik bahasa Arab. Teks akademik dipilih

kerana ia lebih sesuai untuk dibaca oleh pelajar berbanding bahan bacaan yang lain (Nik Farhan, Nik Hanan, & Abdul Rahman, 2006). Pengkaji juga memilih teks bacaan yang sederhana tahap kesukarannya. Kebanyakan ayat dan klausa yang terdapat dalam teks tersebut menggunakan laras bahasa yang mudah, mempunyai maksud yang jelas dan tidak mengandungi unsur-unsur retorik (*balāghat*).


Kesimpulannya, fokus kajian ini adalah untuk menilai aktiviti membaca dan memahami teks dengan melihat kepada dua unsur asas dalam binaan ayat iaitu subjek dan predikat. Kajian ini tidak melihat secara khusus kepada cara sebutan huruf atau perkataan juga strategi membaca. Kajian ini juga tidak menilai kebolehan pelajar dari segi pertuturan dan komunikasi dalam bahasa Arab, walaupun ia juga merupakan antara kemahiran yang penting dalam pembelajaran bahasa. Hal ini demikian kerana pengkaji hanya memfokuskan permasalahan yang timbul dalam konteks pemahaman teks kerana perkara yang lebih penting bagi pelajar bahasa Arab dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ialah kemampuan mereka untuk memahami teks bacaan.

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Marohaini (1999) membahagikan peringkat pemahaman pembaca kepada tiga iaitu bermula dengan penubuhan makna, diikuti dengan pentafsiran makna, dan seterusnya peringkat penilaian makna. Peringkat pemahaman Marohaini ini disandarkan kepada pengelasan pemahaman Santoz pada tahun 1976 yang membahagikan tahap pemahaman kepada enam iaitu bermula dengan tahap pengecaman-pengingatan, diikuti dengan penterjemahan, aplikasi, analisis, sintesis, dan peringkat yang paling tinggi sekali ialah penilaian (Marohaini, 1999).


Peringkat penubuhan makna dalam teori peringkat pemahaman Marohaini (1999) adalah merujuk kepada peringkat pengecaman-pengingatan dan penterjemahan dalam pengelasan pemahaman Santoz. Peringkat ini merupakan peringkat pemahaman literal iaitu memahami perkataan dan frasa; klausa dan ayat; serta memahami perenggan dengan mengaitkannya dengan konteks tatabahasa untuk memahami makna perkataan dan unsur retorik seperti memahami bahasa kiasan, simpulan bahasa, perumpamaan dan lain-lain. Peringkat pentafsiran makna pula ialah pemahaman pembaca secara inferens dengan memahami maksud teks secara tersirat dan mesej yang difahami secara tidak langsung daripada teks. Manakala, peringkat penilaian makna pula ialah pemahaman teks berdasarkan analisis dan penilaian secara kritis selepas aktiviti membaca.

Peringkat pemahaman Marohaini (1999) yang diubahsuai daripada pengelasan pemahaman Santoz ditunjukkan oleh jadual 1 di bawah:



Rajah 1 : Teori Peringkat Pemahaman Marohaini

Dengan merujuk kepada tahap pemahaman yang pertama iaitu peringkat “penubuhan makna” yang berpaksikan kepada unsur-unsur perkataan, frasa, sintaksis dan morfologi serta ilmu retorik, maka pengkaji membina kerangka konseptual sebagai panduan bagi menjalankan kajian ini. Walau bagaimanapun kerangka konseptual kajian ini tidak melihat kepada unsur retorik kerana fokus utama pemahaman dalam kajian ini hanyalah untuk melihat penguasaan pembaca dalam unsur asas binaan ayat iaitu subjek dan predikat sahaja. Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan oleh rajah 2 di bawah:



Rajah 2 : Kerangka Konseptual Kajian

Kesimpulannya, kerangka konseptual kajian ini memfokuskan kepada pemahaman peringkat pertama iaitu pemahaman secara literal dengan berpandukan kepada struktur tatabahasa asas binaan ayat; subjek dan predikat iaitu *mubtada'* dan *khabar* pada ayat nominal, atau *fi'* dan *fā'il* pada ayat verbal.

1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah penting bagi menentu dan membataskan maksud beberapa istilah utama yang digunakan dalam satu-satu kajian. Berikut ialah definisi bagi tiga frasa utama yang digunakan dalam kajian ini:

1.7.1 Aplikasi Tatabahasa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, aplikasi bermaksud, “Kegunaan (pada praktiknya)”. Manakala tatabahasa pula bermaksud, “Pengetahuan atau pelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat (penyusunan kata dalam ayat)” (*Kamus Dewan*, 2013). Tatabahasa yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah dua unsur asas binaan ayat iaitu subjek dan predikat. Ia merujuk kepada *musnad 'ilayh* dan *musnad* dalam bahasa Arab yang merangkumi *mubtada'* dan *khabar* pada ayat nominal serta *fā'il* dan *fi'l* pada ayat verbal (al-Rājihī, 2004).

“Aplikasi tatabahasa” dalam kajian ini bermaksud pembaca mempraktik dan menerapkan fungsi perkataan dari segi tatabahasa sebagai subjek dan predikat untuk membina maksud ayat. Dalam proses seseorang membaca dan memahami teks, ia memastikan fungsi tatabahasa benar-benar difahami untuk mendapat pemahaman yang tepat.

1.7.2 Membaca

Maksud membaca ialah, “Memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya” (*Kamus Dewan*, 2013). “Membaca” yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah proses membaca teks bahasa Arab dengan menerapkan aplikasi unsur asas binaan ayat iaitu subjek dan predikat dalam usaha untuk memahami teks tersebut.

1.7.3 Pelajar IPTA

Pelajar IPTA yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar semester lima kursus ISMBADP di Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI. Pelajar IPTA dipilih kerana mereka berada di tahap yang paling tinggi sebelum mereka bergelar seorang guru bahasa Arab yang akan mencurahkan segala ilmu yang telah mereka pelajari selama ini. Manakala, pemilihan pelajar UPSI pula kerana ia merupakan satu-satunya IPTA yang menawarkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda bahasa Arab dalam bidang pendidikan.

Pengkaji memilih pelajar semester lima kerana mereka akan menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah menengah selama 12 minggu ketika berada di semester tujuh nanti. Justeru, mereka dianggap sudah bersedia untuk

mencurahkan ilmu dalam bidang bahasa Arab serta mempraktik dan mengaplikasikan ilmu bahasa Arab yang telah mereka pelajari semasa mereka menjalani latihan mengajar nanti.

1.8 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kajian ini timbul daripada kesedaran pengkaji bahawa terdapat dalam kalangan pelajar lepasan ijazah sarjana muda pengajian bahasa Arab yang tidak mampu membaca dan memahami teks bahasa Arab dengan baik. Antara puncanya ialah kelemahan mereka mengaplikasikan unsur tatabahasa semasa aktiviti tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ketepatan bacaan serta aplikasi tatabahasa yang dipraktikkan oleh pembaca dengan memfokuskan kepada dua unsur asas binaan ayat yang menjadi kunci utama kepada pemahaman iaitu subjek dan predikat.

RUJUKAN

- Abdul Malek Shaari. (1996). *Kelemahan Membaca & Memahami Teks Akademik Arab di Kalangan Pelajar Tahun Tiga Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Razak Dali. (8 Ogos 2010). *Isu dan Masalah Pengajaran*. Dimuat turun pada 29 Oktober 2011, daripada Pustaka Ilmu SKJ2: <http://pusatsumberskj2.blogspot.com/2010/08/isu-dan-masalah-pengajaran-dan.html>
- al-'Ahdal, Muḥammad 'ibn 'Aḥmad. (1995). *al-Kawākib al-Durriyaṭ*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Ghalāyīnī, Muṣṭafā. (2001). *Jāmi' al-Durūs al-'Arabiyyaṭ* (Jil. 2). Beirut: Maktabaṭ al-'Aṣriyyaṭ.
- al-Ḥadīdī, 'Alī. (1966). *Musykilat Ta'lim al-Lughat al-'Arabiyyaṭ li Ghayr al-'Arab*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- al-Ḥamlāwī, 'Aḥmad ibn Muḥammad. (2009). *Syadha al-'Arfi fi Fann al-Ṣarf*. Riyadh: Dār al-Kayān.
- al-Hāsyimī, 'Aḥmad. (2001). *al-Qawā'id al-'Asāsiyyaṭ li al-Lughat al-'Arabiyyaṭ*. Beirut: al-Maktabaṭ al-'Aṣriyyaṭ.
- al-Jārim, 'Alī., & Muṣṭafā 'Amīn. (2004). *al-Naḥw al-Wādiḥ* (Jil. 1). Beirut: al-Maktabaṭ al-Lughawiyyaṭ.
- al-Khūlī, Muḥammad 'Alī. (2000). *al-'Ikhtibārāt al-Lughawiyyaṭ*. Suwayliḥ: Dār al-Falāḥ.
- al-Khuwayskī, Zain Kāmil. (2008). *al-Mahārāt al-Lughawiyyaṭ: al-'Istimā' wa al-Taḥadduth wa al-Qirā'aṭ wa al-Kitābaṭ: wa 'Awāmil Tanmiyyaṭ al-Mahārāt al-Lughawiyyaṭ 'inda al-'Arab wa Ghayrihim*. al-Syātībī: Dār al-Ma'rifaṭ al-Jāmi'iyyaṭ.
- al-Nadawī, Solāḥuddin, & Mohammad Seman. (2011). *al-Lughat al-'Arabiyyaṭ wa 'Ahammiyyaṭ Tadrīsihā li Ghayr al-Nātiqīn bihā*. Dalam Mohd Muhiden, Shukeri Mohamad, & Ahmad Najib Abdullah, *Ta'lim al-Lughat al-'Arabiyyaṭ li Ghayr al-Nātiqīn bihā: Istirātijijyāt wa Maharāt* (hlm. 63-82). Nilam Puri: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Rājīḥī, 'Abduh. (2004). *al-Tatbīq al-Naḥwī*. Beirut: Dār al-Nahdhaṭ al-'Arabiyyaṭ.
- al-Zuhaylī, Wahbaṭ. (1991). *al-Tafsīr al-Munīr*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.

- Anzaruddin Ahmad. (2005). *Bahasa Arab untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap dan Motivasi Golongan Profesional*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 'Abbās Ḥasan. (2007). *al-Naḥw al-Wāfi* (Jil.1). Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- 'Āsyūr, Rātib Qāsim, & al-Ḥawāmidaṭ, Muḥammad Fu'ād. (2010). *'Asālib Tadrīs al-Lughat al-'Arabiyyaṭ*. Amman: Dār al-Masīraṭ.
- Babtī, 'Azīzaṭ Fawwal. (1992). *al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fī al-Naḥw al-'Arabī* (Jil. 2). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyaṭ.
- Bahasa Arab Dengan Pendidikan*. Diakses pada 22 April 2013, daripada <http://www.upsi.edu.my/en/ijazah/fakulti-bahasa/bahasa-arab-dengan-pendidikan#>
- Bailey, K. D. (1984). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. (terjemahan Hashim Awang) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barnett, M. A. (1989). *More than Meets the Eye*. New Jersey: Prentice Hall Regents
- Bernhardt, E. B. (1991). *Reading Development in a Second Language: Theoretical, Empirical and Classroom Perspectives*. New Jersey: Ablex Publishing Corporation.
- Chang, Yuh-Fang. (2006). *One The Use of The Immediate Recall Task As a Measure of Second Language Reading Comprehension*. Oxford: SAGE Publications.
- Chua, Yan Piaw. (2012). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan (buku 2): Asas Statistik Penyelidikan* (Edisi kedua). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Dechant, E. (1964). *Understanding dan Teaching Reading: An Interactive Model*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fatimah Idris. (1998). *Hubungan Kesedaran Metakognitif Dengan Kefahaman Bacaan Teks Ekspositori Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fu'ād Ni'maṭ. (1973). *Mulakkaḥ Qawā'id al-Lughat al-'Arabiyyaṭ*. Kaherah: Maktabaṭ al-'Ilm li al-Ta'lif wa al-Tarjamaṭ.
- Fulcher, G. (1997). *Text Difficulty dan Accessibility: Reading Formulae and Expert Judgement*. System 25(4): 497 - 513.
- Ghazali Darusalam. (2005). Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif. *Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Islam*, 61-82.

- Harrison, Colin. (2004). *Understanding Reading Development*. London: SAGE Publications Ltd.
- 'Ibn Hisyām, Jamāluddīn. (2003). *Syarḥ Syuzūr al-Dzahab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Jonathan Sarwono. (2006). *Metode Penelitian Kuantitatif dan Kualitatif*. Yogyakarta: Penerbit Graha Ilmu.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Longman.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1993). *Perkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Hj. Husin, & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1998). *Penguasaan Kemahiran Membaca: Kaedah dan Teknik Membaca*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Kamarulzaman Abd Ghani, Hassan Basri Awang Mat Dahan, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2009). Penggunaan Ujian Kloz Dalam Mengukur Kebolehbacaan Teks Arab Untuk Pembaca Bukan Arab di Malaysia : Satu Kajian Rintis. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(12), 15-30.
- Kamarulzaman Abd Ghani. (2010). *Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamarulzaman Abd Ghani. (2011, Mei). Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Kloz Dalam Kalangan Pelajar di SMKA. *Journal of Language Studies*, 11(2), 53-66.
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karkhī, 'Arif. (1993). al-Taḥniyyāt al-Hadīthah Fi Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah Li Ghayr al-'Arab. Dalam *Majalah Pengajian Arab* (Jil. 3, hlm. 7-35). Kuala Lumpur: Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- Lamberg, W., & Lamb, C. (1980). *Reading Instruction in the Content Areas*. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Madkūr, 'Alī 'Aḥmad. (2000). *Tadrīs Funūn al-Lughah al-'Arabiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Marohaini Yusof. (1999). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Nawi Mat Jusoh, Mohd Ridhuan Hj. Abd Rashid, & Mohd Zaini Sijo. (2010). *al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Sana' al-Rābi'ah*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Miles, M., & Huberman, A. (1994). *Qualitative Data Analysis*. Beverly Hills: Sage Publication.
- Mohd Rosdi Ismail. (2003). *Bahasa Arab Mikro: Binaan Kata dan Fungsi Makna*. Kota Bharu: Arabic Language and Consultancy.
- Mohd Sobri al-Şuqaylī. (1994). Pengajaran Pembacaan untuk Penutur-penutur Bukan Arab. Dalam *Majalah Pengajian Arab* (Jil. 4, hlm. 33-49). Kuala Lumpur: Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- Muhammad Marwan Ismail, & Wan Moharani Mohammad. (2008). *Kajian Tatabahasa Arab Dahulu dan Sekarang*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mujāwir, Muḥammad Şolāḥuddīn. (2000). *Tadrīs al-Lughat al-'Arabiyyat fi al-Marḥalaṯ al-Thānawiyyat*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Muṣṭafā Ruslān. (1986). *Ta'lim al-Lughat al-'Arabiyyat li Ghayr al-Nātiqīn bihā*. Kaherah: al-Tubhā Publisher.
- Nik Farhan Mustapha. (2010). Mengaktifkan Maklumat Sedia Ada: Tips Pengajaran Membaca yang Efektif dan Praktikal. Dalam Che Radiah Mezah, *Pengajaran Bahasa Arab: Himpunan Pedoman buat Guru dan Bakal Guru* (hlm. 63-73). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nik Farhan Mustapha. (2011). *'Istirātijjiyyāt al-Qira'at ladā Ṭalabaṯ al-Lughat al-'Arabiyyat*. Tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nik Farhan Mustapha, Nik Hanan Mustapha, & Abdul Rahman Chik. *Tabiat Membaca Di dalam Bahasa Arab*. Kertas kerja ini dibentangkan di 2nd International Language Learning Conference (2nd ILLC), Pulau Pinang. 23-25 November 2006.
- Nik Hanan Mustapha, Nik Farhan Mustapha, & Nadwah Hj. Daud. *al-Khiyārāt al-Naḥwiyyat 'Inda al-Ṭalabaṯ al-Mutakhaşişīn Fī al-Lughat al-'Arabiyyat*. Seminar Internasional Bahasa Arab dalam Perspektif Sosial-Budaya (PINBA VI). Medan: 12-14 Oktober 2009.
- Nik Safiah Karim (2003). *Bimbingan Pelajar: Bahasa Kita* (jil. 1). K Publishing: Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan* (Edisi 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norazman Mohd Noordin. (2006). *Penguasaan Kemahiran Membaca dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pumfrey, P. D. (1977). *Measuring Reading Abilities: Concepts, Sources and Applications*. London: Hodder and Stoughton Ltd.
- Rosni Samah. (2009). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. (2010). Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab di Peringkat Menengah Rendah: Kajian Kepada Guru Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL). *Malaysian Education Deans' Council Journal*. 6: 1-15
- Rumelhart, D.E. (1980) Schemata: the building blocks of cognition. Dalam R.J. Spiro, Bertram C. Bruce & W. F. Brewer, *Theoretical Issues in Reading Comprehension* (hlm.33-58). New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Sabri Ahmad Zabidi. (2010). *Penguasaan Membaca Teks Arab di Kalangan Guru Pelatih*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saifuddin Hussin. (2002). *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Tiga- Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sasbadi. (2011). *Set Soalan Sebenar Bahasa Arab Tinggi SPM*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Sato, Hirobumi. (2004). *Kajian Semula Unsur Utama Wajib Dalam Ayat Bahasa Melayu*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Senarai IPTA. Diakses pada 22 Ogos 2014, daripada <http://jpt.moe.gov.my/menuipt.php>
- Smith, F. (1994). *Understanding Reading: A Psycholinguistic Analysis of Reading and Learning to Read*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Smith, H. P. (1962). *Psychology In Teaching* (Second ed.). New Jersey: Prentice-Hall.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Arab*. (2006). Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Syed Syahridzan Syed Mohamed. (2007). *Struktur Ayat di Dalam Nahu Arab: Analisis Penggunaan al-Nawāsikh di Dalam Karya al-Manfalūṭī*. Laporan Penyelidikan Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Terjemahan al-Quran al-Karim. (t.t.).

Ṭu'aymaṭ, Rusydī 'Aḥmad. (1989). *Ta'allum al-Arabiyyaṭ li Ghayr al-Nātiqīn bihā.* Ribat: ISISCO.

Ṭu'aymaṭ, Rusydī 'Aḥmad. (1990). *Al-Mahārāt Al-Lughawiyyaṭ wa mustawayātuhā: Tahlīl Nafs Lughawī Dirāsaṭ Maydāniyyaṭ.* Makkah al-Mukarramah: Jāmi'at 'Umm al-Qurā.

Umar Abdul Hasib. (2011). *Memahami Teks Arab: Sebuah Pengantar.* Diakses pada 10 November 2011, daripada <http://elhasib.wordpress.com/2011/09/11/memahami-teks-arab-sebuah-pengantar/#more-26>

Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin. *Pembelajaran Bahasa Arab di Univerisiti Sains Islam Malaysia (USIM): Tinjauan Kecenderungan Pelajar.* Kertas kerja dibentangkan di 1st International Language Conference (ICL), Gombak. Mac 2008.

Wan Mahmood Hj. Daud. (1998). *Pengajaran Mutala'ah - Satu Analisis di Sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.* Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wright, W., Smith, W. R., & de Geoeje M. J. (1898). *A Grammar of the Arabic Language.* (Vol. 2). Cambridge: Cambridge University Press.

Yahya Othman. (2004). *Mengajar Membaca: Teori dan Aplikasi: Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca.* Bentong: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Yahya Othman. (2008). *Proses dan Strategi Membaca Berkesan.* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Yeap, Keng Leng. (2000). Kajian Kualitatif: Satu Pengenalan. *Jurnal Keningau, Bil. 3, 25-27.*

Za'ba. (1958). *Pelita Bahasa Melayu* (Penggal 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulazhan Ab Halim, Zamri Arifin, & Kaseh Abu Bakar. (2009). Ujian Kloz dan Hubungannya Dengan Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab. *Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Kedua: Ke Arah Melestarikan Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Malaysia* (hlm. 297-311). Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.